



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS KOS BAHAN BINAAN, MEI 2026

**Indeks harga seunit besi mencatatkan peningkatan antara
0.1 peratus sehingga 1.3 peratus pada Mei 2026**

PUTRAJAYA, 10 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan laporan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR, MEI 2026**. Laporan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan terpilih dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa indeks harga seunit besi menunjukkan peningkatan pada Mei 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.1 peratus sehingga 1.3 peratus semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Pahang (1.3%), diikuti dengan Sibu dan Miri (masing-masing 0.8%).

Ketua Perangkawan Malaysia memaklumkan bahawa indeks harga seunit pasir juga mencatatkan peningkatan pada Mei 2026, iaitu antara 0.4 peratus sehingga 9.7 peratus berbanding bulan lepas. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Sandakan (9.7%), diikuti dengan Johor dan Sibu (masing-masing 3.7%).

Tambahan itu, indeks harga seunit batu baur merekodkan peningkatan pada Mei 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.3 peratus hingga 4.7 peratus di semua kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi bagi bahan ini telah direkodkan di Sandakan (4.7%), diikuti dengan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (3.9%) dan Johor (3.6%).

Manakala indeks harga simen mencatatkan peningkatan kecil pada Mei 2026, dengan perubahan bulan ke bulan antara 0.2 peratus hingga 2.1 peratus di beberapa kawasan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Perbandingan tahunan untuk tempoh Mei 2025 dan Mei 2026 menunjukkan indeks harga seunit besi telah merekodkan peningkatan antara 1.1 peratus hingga 10.0 peratus bagi kebanyakan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Peningkatan tertinggi bagi indeks harga seunit besi telah dicatatkan di Perak (10.0%), diikuti dengan Johor (6.0%) dan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.1%).

Perbandingan tahun ke tahun bagi indeks harga seunit simen pula telah mencatatkan peningkatan antara 1.0 peratus hingga 7.5 peratus pada Mei 2026 berbanding bulan yang sama tahun lalu, bagi seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Miri (7.5%), diikuti dengan Kuching (7.4%), Perak dan Pahang (masing-masing 6.9%).

Selain daripada itu, perbandingan tahunan untuk tempoh Mei 2025 dan Mei 2026 bagi indeks harga seunit pasir pula merekodkan peningkatan antara 1.0 peratus hingga 22.9 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* mencatatkan peningkatan kecil (0.4%), dengan purata harga RM3,517.50 bagi setiap tan metrik berbanding bulan sebelumnya (April 2026: RM3,504.20 per tan metrik). Tambahan daripada itu, purata harga bagi simen *Ordinary Portland* juga merekodkan peningkatan kecil (0.3%) dengan purata harga RM25.95 per 50 kg sekarung berbanding April 2026 (RM25.90 per 50 kg sekarung).

Perbandingan bulanan IKB termasuk bar keluli mengikut kategori bangunan dan kawasan di Semenanjung Malaysia pada bulan Mei 2026 mencatatkan peningkatan kecil iaitu antara 0.2 peratus hingga 4.6 peratus di kawasan tersebut.


IKB termasuk bar keluli di Sabah juga menunjukkan peningkatan kecil iaitu 0.1 peratus hingga 1.5 peratus bagi hampir semua kategori bangunan pada Mei 2026 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, perbandingan bulan ke bulan IKB termasuk bar keluli di Sarawak juga merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.1 peratus bagi semua kategori bangunan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia,
Mei 2024 – Mei 2026**



**Carta 2: Purata Harga Simen (Ordinary Portland) Malaysia,
Mei 2024 – Mei 2026**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
10 JUN 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

BUILDING COST INDEX, MAY 2026

The unit price index of steel recorded an increase between 0.1 per cent to 1.3 per cent in May 2026

PUTRAJAYA, 10TH JUNE 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, MAY 2026**. This report provides the unit price index of major building materials and the Building Material Cost Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the unit price index of steel recorded an increase in May 2026, with month-on-month changes ranging from 0.1 per cent to 1.3 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the price index for this material was recorded in Pahang (1.3%), followed by Sibu and Miri (0.8%), respectively.

The Chief Statistician of Malaysia informed that the unit price index of sand also recorded an increase in May 2026, ranging from 0.4 per cent to 9.7 per cent as compared to the previous month. The highest increase in the price index for this material was recorded in Sandakan (9.7%), followed by Johor and Sibu (3.7%), respectively.

In addition, the price index of aggregates registered an increase in May 2026, with month-on-month changes ranging from 0.3 per cent to 4.7 per cent across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase in the price index for this material was recorded in Sandakan (4.7%), followed by Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (3.9%) and Johor (3.6%).

Meanwhile, the unit price index of cement also showed an increase in May 2026, with month-on-month change ranging from 0.2 per cent to 2.1 per cent in all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of May 2025 and May 2026 has indicated that the unit price index for steel recorded an increase ranging from 1.1 per cent to 10.0 per cent involving most areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The highest increase in the unit price index for steel was observed in Perak (10.0%), followed by Johor (6.0%) and Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (4.1%).

The year-on-year comparison of the unit price index of cement increased between 1.0 per cent to 7.5 per cent in May 2026 as compared to the same month last year across all areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The highest increase was observed in Miri (7.5%), followed by Kuching (7.4%), Perak and Pahang (6.9%), respectively.

In addition, the year-on-year comparison between May 2025 and May 2026 showed that the unit price index of sand increased by between 1.0 per cent and 22.9 per cent across all regions in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also mentioned that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars, recorded an increase of 0.4 per cent with an average price of RM3,517.50 per metric tonne as compared to the previous month (April 2026: RM3,504.20 per metric tonne). In addition, the average price of Ordinary Portland cement also showed an increase (0.3%) with an average price of RM25.95 per 50 kg bag, as compared to April 2026 (RM25.90 per 50 kg bag).

The monthly comparison of BCI with steel bars, by building category and region in Peninsular Malaysia for May 2026 recorded an increase ranging from 0.2 per cent to 4.6 per cent in the areas.


The BCI with steel bars in Sabah recorded a slight increase ranging from 0.1 per cent to 1.5 per cent for all building categories in May 2026 as compared to the previous month. However, the month-on-month comparison of BCI with steel bars in Sarawak also registered an increase ranging from 0.1 per cent to 1.1 per cent for all categories of buildings.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia,
May 2024 – May 2026**



**Chart 2: Average Price of Cement (Ordinary Portland), Malaysia,
May 2024 – May 2026**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
10 JUNE 2026**